









Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di mata-mata **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)**, KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI AGENSI  
DADAH KEBANGSAAN NEGERI KELANTAN**

**OLEH  
SITI KHADIJAH BINTI MUHAMMAD ZAIN  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Industri Diserahkan Kepada  
**Puan Ruzaini Binti Sulaiman**  
Penyelia KUSTEM

Jabatan Ekologi Sosial  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2003**

**1100033063**



BUKU LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

OLEH

SITI KHADIJAH BINTI MUHAMMAD ZAIN

(UK 5416)

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Buku laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Ekologi Sosial sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Pengijazahan Polisi dan Sekitaran Sosial

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

(KUSTEM)



## PRAKATA

Assalamualaikum w.b.t

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya saya dapat menyiapkan laporan latihan industri ini dengan baik dalam tempoh masa yang ditetapkan. Walaupun terpaksa menempuhi pelbagai halangan, namun dengan izinNya serta berkat kesabaran dan sokongan daripada keluarga dan teman-teman, Alhamdulillah semuanya berjalan dengan lancar.

Laporan Industri merupakan satu program pelengkap salah satu syarat kepada setiap pelajar KUSTEM untuk pengijazahan mengikut program pengajian masing-masing. Latihan Industri ini dilakukan selama 12 minggu semasa cuti semester. Secara keseluruhannya, apa yang terkandung merupakan kerja-kerja yang dijalankan sepanjang tempoh latihan industri di Agensi Dadah Kebangsaan Negeri Kelantan (ADKNK). Walaupun tempohnya amat singkat, namun saya mendapat banyak pengetahuan dan pengalaman tentang dunia pekerjaan yang sebenar.

Latihan Industri menyentuh tentang organisasi syarikat di samping tugas dan kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Diharap semoga ianya menjadi panduan serta rujukan untuk menghadapi alam pekerjaan sebenar.

Diharap jua semoga hubungan baik antara Agensi Dadah Kebangsaan dan pihak KUSTEM akan berkekalan bagi memberi peluang kepada pelajar yang seterusnya untuk menjalani Latihan Industri dengan jayanya.

Sekian, terima kasih  
Wassalam  
Disediakan Oleh


(SITI KHADIJAH BINTI MUHAMMAD ZAIN)  
UK 5416



## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya SITI KHADIJAH BINTI MUHAMMAD ZAIN (UK 5416) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut

Tandatangan




---

**Nama :** SITI KHADIJAH BINTI MUHAMMAD ZAIN

**Tarikh :** 5 Oktober 2003

**Disahkan oleh :**



---

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengurusan Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

**RUZAINI SULAIMAN @ ABDUL RAHIM**  
Pensyarah  
Jabatan Pengajian Am  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)  
Mengabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad S.A.W. utusanNya yang membawa kebenaran.

Alhamdulillah dengan taufik dan hidayahNya dapat juga saya menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan seadanya di bawah tunjuk ajar dan bimbingan Puan Ruzaini binti Sulaiman selaku Penyelia Akademik . Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pegawai Kanan ADKNK, iaitu Encik Mohd. Khir bin Hj. Omar selaku Penyelia Industri kerana sudi meluangkan masa dan bekerjasama serta memberi maklumat yang diperlukan dalam menyiapkan laporan ini. Sesungguhnya penjelasan dan pandangan yang diberikan amat berguna dan bernilai sekali.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada Pengarah, Penolong Pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan ADKNK kerana sanggup memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam menjalankan tugas semasa menjalani latihan industri serta penerangan mengenai ADKNK. Justeru itu, dengan segala jasa baik daripada warga ADKNK telah dapat menyempurnakan lagi hasil laporan ini.



Tidak dilupakan penghargaan ini juga ditujukan buat rakan-rakan yang turut menjalani Latihan Industri serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi teguran serta pandangan untuk penulis menyiapkan laporan ini. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan buat ayah dan bonda tersayang di atas galakan dan dorongan dalam menjalani latihan industri dan menyiapkan laporan ini.

Sesungguhnya penulis masih memerlukan panduan dan didikan daripada semua yang terlibat bagi menghasilkan satu laporan yang sempurna. Segala bantuan dan tunjuk ajar, semangat serta galakan kalian tidak dapat penulis balas. Semoga anda semua dirahmati olehNya dan dibalas dengan kebaikan yang tidak terhingga daripada Allah S.W.T. Amin.

Wassalam  
Siti Khadijah Muhammad Zain  
Polisi dan Sekitaran Sosial  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
2003



## ISI KANDUNGAN

| <b><u>PERKARA</u></b>                   | <b>HALAMAN</b> |
|---|----------------|
| Prakata                                 | i              |
| Penghargaan                             | ii             |
| Senarai Rajah                           | iv             |
| Senarai Lampiran                        | v              |
| Senarai Singkatan                       | vi             |
| Ringkasan Eksekutif                     | vii            |
| <b>BAB I LATAR BELAKANG ADKNK</b>       |                |
| 1.0 Pengenalan                          | 1              |
| 1.1 Sejarah Organisasi                  | 2              |
| 1.2 Maklumat Organisasi                 | 4              |
| 1.3 Carta Organisasi                    | 6              |
| 1.4 Bahagian Dalam ADKNK                | 11             |
| 1.5 Aktiviti                            | 19             |
| 1.6 Kekuatan                            | 28             |
| 1.7 Garis Panduan Ujian Air Kencing     | 30             |
| 1.8 Kemahiran Yang Dipelajari           | 34             |
| <b>BAB II PENGENALPASTIAN MASALAH</b>   |                |
| 2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada           | 38             |
| 2.2 Mengenalpasti Masalah               | 45             |
| 2.3 Cadangan Penyelesaian               | 47             |
| 2.4 Cadangan Untuk Latihan Industri     | 50             |
| 2.5 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi | 53             |
| <b>BAB III PENUTUP</b>                  |                |
|   | 55             |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>                      |                |
| <b>LAMPIRAN</b>                         |                |



## SENARAI RAJAH

|                                     |   |
|-------------------------------------|---|
| Rajah 1: Carta Organisasi ADK Pusat | 7 |
| Rajah 2: carta Organisasi ADKNK     | 8 |

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH



## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Laporan Latihan Industri Minggu 1
- Lampiran 2 : Laporan Latihan Industri Minggu 2
- Lampiran 3 : Laporan Latihan Industri Minggu 3
- Lampiran 4 : Sijil Penghargaan latihan Industri
- Lampiran 5 : Surat Penerimaan Menjalani Latihan Industri
- Lampiran 6 : Surat Akuan Menjalani Latihan Industri
- Lampiran 7 : Borang NADI 5/96
- Lampiran 8 : Borang Temuduga Kes-Kes Reman
- Lampiran 9 : Tentatif Program Cergas Tanpa Dadah
- Lampiran 10 : Modul PINTAR

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR-ANIRAH



### SENARAI SINGKATAN

|        |   |   |
|--------|---|---|
| ADK    | - | Agensi Dadah Kebangsaan                 |
| ADKNK  | - | Agensi Dadah Kebangsaan Negeri Kelantan |
| MDK    | - | Majlis Dadah Kebangsaan                 |
| PINTAR | - | Program Intelek Asuhan Rohani           |
| PUU    | - | Pusat Ujian Urin                        |

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH



### Ringkasan Eksekutif

Sepanjang menjalani Latihan Industri di Agensi Dadah Kebangsaan Negeri Kelantan selama 12 minggu, penulis telah dapat mengenalpasti beberapa masalah yang wujud dalam pengurusan ADKNK itu sendiri. Antara masalah tersebut ialah kekurangan kakitangan dalam pentadbiran, kurangnya pekerja mahir terutamanya dalam bidang IT dan juga system pemfailan yang tidak teratur. Masalah-masalah ini merumitkan dan menyukarkan pencarian maklumat dan ini seterusnya akan menyebabkan urusan dengan orang ramai tergendala.

Dalam tempoh tersebut juga penulis mendapat banyak pengetahuan untuk digunakan apabila memasuki alam pekerjaan kelak. Dengan menjalani Latihan Industri di Agensi Dadah Kebangsaan Negeri Kelantan, penulis dapat mengetahui bagaimana sesuatu organisasi itu beroperasi, tugas-tugas sebagai kakitangan awam dan juga prosedur yang perlu diikuti semasa berurusan.

Di samping itu, penulis mendapat banyak latihan iaitu cara-cara berkomunikasi atau berhubung dengan pihak atasan dan masyarakat. Penulis telah diberi latihan dalam setiap bahagian yang ada, meliputi keseluruhan pentadbiran ADKNK. Penulis telah turut serta dalam program yang dijalankan seperti program ceramah, pameran ujian air kencing sekolah-sekolah. Melalui program tersebut, penulis mendapat latihan tentang pengendalian dan tatacara sesuatu program tersebut dibuat.

Penulis juga dapat mengenalpasti sistem-sistem yang digunakan oleh Agensi Dadah Kebangsaan. Misalnya Sistem NADI digunakan untuk menyimpan maklumat berkaitan pesalah yang terlibat dengan dadah. Sistem 'punch card' atau mesin perakam masa digunakan untuk merekod kehadiran kakitangan yang mencatatkan masa kedatangan dan masa pulang. Penulis berpeluang menggunakan sistem ini.

Kesimpulannya, Latihan Industri memberikan banyak pengetahuan dan pengalaman kepada penulis untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan di hari yang mendatang. Pihak ADKNK perlu mengenalpasti masalah yang wujud serta mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya. Diharap segala cadangan yang dikemukakan dapat dipertimbangkan oleh pihak ADKNK untuk tindakan selanjutnya.